

27 AUGUST 2026

Wasco Secures RM392 Million in New Awards, Declares 3 Sen Interim Dividend

New Contracts Extend Group's Participation Across LNG, Carbon Capture, Sustainable Fuels and Bioenergy as Secured Order Book Stands at RM2.5 Billion

KUALA LUMPUR, 27 August — Wasco Berhad ("Wasco" or "the Group") secured approximately RM392 million in new contracts during the second quarter of FY2026, adding work across conventional, renewable and lower-carbon energy developments as the Group continued to execute its secured workload across key markets.

The new awards span pipe-coating requirements for offshore oil and gas, liquefied natural gas ("LNG") expansion, carbon capture and storage and pipeline developments; specialised process equipment for sustainable aviation fuel and other energy projects; and a biomass boiler for the palm oil processing sector.

The contract mix broadens Wasco's participation across the energy landscape. While conventional gas, LNG and offshore developments remain important sources of demand, the Group is increasingly applying its established engineering, fabrication, pipeline and bioenergy capabilities to carbon capture, sustainable fuels and other lower-carbon developments.

For the second quarter ended 30 June 2026 ("Q2 FY2026"), Wasco recorded revenue of RM487.5 million, earnings before interest, taxes, depreciation and amortisation ("EBITDA") of RM67.1 million and Profit Before Tax ("PBT") of RM41.2 million. Net profit stood at RM31.8 million, while Profit After Tax and Minority Interest ("PATMI") was RM31.4 million.

For the six months ended 30 June 2026 ("H1 FY2026"), the Group recorded revenue of RM938.7 million, EBITDA of RM111.5 million and PBT of RM54.8 million. Net profit and PATMI stood at RM41.7 million and RM42.5 million, respectively. PBT and PATMI also reflected a gain of RM17.4 million recognised on the disposal of Wasco Australia during the period.

First-half performance reflected the timing and phasing of project execution across the Group's two business segments, including deferred activity in Qatar and Dubai due to continued supply chain disruptions.

The Board declared a first interim single-tier dividend of 3 sen per ordinary share for FY2026, amounting to approximately RM23.2 million, payable on 6 October 2026.

The sector landscape remains active but uneven. Investment in offshore gas and LNG developments continues across the Middle East, Asia and other international markets, alongside selective investment in carbon capture, sustainable fuels and bioenergy. The timing of new projects, however, remains sensitive to geopolitical developments, financing conditions, regulatory support and customer investment decisions.

Segmental Performance

Energy Services recorded Q2 FY2026 revenue of RM426.8 million and PBT of RM55.0 million. Performance reflected the timing and phasing of projects, including deferred activity in Qatar and Dubai, while execution continued across the segment's secured workload in other key markets.

For H1 FY2026, Energy Services recorded revenue of RM823.5 million and PBT of RM77.9 million.

Bioenergy Services recorded Q2 FY2026 revenue of RM60.7 million and PBT of RM5.7 million, with turbine deliveries improving from the preceding quarter.

For H1 FY2026, Bioenergy Services recorded revenue of RM115.1 million and PBT of RM10.7 million. Revenue reflected fewer turbine deliveries compared with the corresponding period last year, slower progress in heat recovery steam generator and industrial gas-fired boiler projects, as well as the translation impact of the weaker Japanese yen and Indonesian rupiah.

Subsequent to the quarter end, Wasco Greenergy Berhad appointed Wong Yin Kee as Group Managing Director with effect from 17 August 2026. His appointment supports an orderly transition of authority, responsibility and accountability ahead of Chief Executive Officer Lee Yee Chong's early retirement on 31 December 2026. Lee has served the business in various leadership positions since joining the Group in September 1995.

Order Book and Outlook

The Group's order book stood at RM2.5 billion as at 30 June 2026, providing revenue visibility into 2028.

Energy Services will remain focused on converting its secured workload into execution while selectively pursuing new opportunities across conventional and lower-carbon energy developments. Geopolitical developments in the Middle East and longer customer decision cycles may continue to influence the timing and phasing of project activity.

For Bioenergy Services, policy support for palm-based biodiesel in Indonesia and Malaysia continues to underpin the longer-term development of the regional bioenergy sector. Near-term customer capital expenditure, however, remains subject to commodity economics, regulatory developments, project timing and competitive conditions.

Against this backdrop, Bioenergy Services will continue to pursue opportunities across its turbine, boiler and after-sales businesses while maintaining discipline in new order intake. The segment will remain focused on margin protection, cost management and foreign-exchange exposure as it positions the business for the next phase of regional bioenergy investment.

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad is a global energy infrastructure solutions provider with operations across 12 countries. The Group's core businesses span pipeline services, engineering and fabrication services, and bioenergy solutions, supporting both conventional and transition-linked energy infrastructure developments globally.

Wasco's integrated platform combines engineering expertise, fabrication capabilities, and specialised infrastructure solutions to support the delivery of complex energy projects across multiple stages of the energy value chain.

For more information, visit www.wascoenergy.com

Issued by **Wasco Berhad**. For media enquiries, please contact Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or Natasha Brand (natasha.brand@wascoenergy.com / +60 16-916 8598).

27 OGOS 2026

Wasco Raih Kontrak Baharu Bernilai RM392 Juta, Isytihar Dividen Interim 3 Sen

Kontrak Baharu Memperluas Penyertaan Kumpulan Dalam LNG, Pemerangkapan Karbon, Bahan Api Mampan Dan Biotenaga, Dengan Buku Pesanan Terjamin Berjumlah RM2.5 Bilion

KUALA LUMPUR, 27 Ogos – Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”) meraih kontrak baharu bernilai kira-kira RM392 juta pada suku kedua tahun kewangan 2026, merangkumi projek tenaga konvensional, boleh baharu dan rendah karbon ketika Kumpulan terus mengharungi pelaksanaan projek yang tidak sekata sepanjang separuh pertama tahun ini.

Kontrak baharu itu merangkumi keperluan salutan paip bagi projek minyak dan gas luar pesisir, pengembangan gas asli cecair (“LNG”), pemerangkapan dan penyimpanan karbon serta pembangunan saluran paip; peralatan proses khusus bagi bahan api penerbangan mampan dan projek tenaga lain; serta dandang biojisim untuk sektor pemprosesan minyak sawit.

Komposisi kontrak tersebut mencerminkan peluasan peluang pasaran Wasco. Walaupun projek gas konvensional, LNG dan luar pesisir kekal sebagai sumber permintaan penting, Kumpulan semakin memanfaatkan keupayaan sedia ada dalam bidang kejuruteraan, fabrikasi, saluran paip dan biotenaga untuk menyertai pembangunan pemerangkapan karbon, bahan api mampan serta projek rendah karbon yang lain.

Bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2026 (“S2 TK2026”), Wasco mencatatkan hasil sebanyak RM487.5 juta, Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (“EBITDA”) sebanyak RM67.1 juta serta Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) sebanyak RM41.2 juta. Keuntungan bersih bagi suku berkenaan berjumlah RM31.8 juta, manakala Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (“PATMI”) adalah sebanyak RM31.4 juta.

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2026 (“1H TK2026”), Kumpulan mencatatkan hasil sebanyak RM938.7 juta, EBITDA sebanyak RM111.5 juta dan PBT sebanyak RM54.8 juta. Keuntungan bersih dan PATMI masing-masing berjumlah RM41.7 juta dan RM42.5 juta. PBT

dan PATMI turut mencerminkan keuntungan sebanyak RM17.4 juta yang diiktiraf daripada pelupusan Wasco Australia dalam tempoh tersebut.

Prestasi separuh pertama mencerminkan tempoh dan fasa pelaksanaan projek merentasi dua segmen perniagaan Kumpulan, termasuk aktiviti yang ditangguhkan di Qatar dan Dubai berikutan gangguan rantaian bekalan yang berterusan.

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 3 sen sesaham biasa bagi TK2026, membabitkan jumlah pembayaran kira-kira RM23.2 juta yang akan dibayar pada 6 Oktober 2026.

Landskap sektor tenaga kekal aktif tetapi tidak sekata. Pelaburan dalam projek gas luar pesisir dan LNG terus berkembang di Timur Tengah, Asia dan pasaran antarabangsa lain, seiring pelaburan terpilih dalam pemerangkapan karbon, bahan api mampan dan biotenaga. Bagaimanapun, tempoh pelaksanaan projek baharu kekal dipengaruhi perkembangan geopolitik, keadaan pembiayaan, sokongan kawal selia serta keputusan pelaburan pelanggan.

Prestasi Mengikut Segmen

Perkhidmatan Tenaga mencatatkan hasil S2 TK2026 sebanyak RM426.8 juta dan PBT sebanyak RM55.0 juta. Prestasi segmen itu mencerminkan masa dan fasa pelaksanaan projek, termasuk aktiviti tertangguh di Qatar dan Dubai, manakala pelaksanaan projek di bawah buku pesanan terjamin diteruskan di pasaran utama lain.

Bagi 1H TK2026, Perkhidmatan Tenaga mencatatkan hasil sebanyak RM823.5 juta dan PBT sebanyak RM77.9 juta.

Perkhidmatan Biotenaga mencatatkan hasil S2 TK2026 sebanyak RM60.7 juta dan PBT sebanyak RM5.7 juta, dengan penghantaran turbin meningkat berbanding suku sebelumnya.

Bagi 1H TK2026, Perkhidmatan Biotenaga mencatatkan hasil sebanyak RM115.1 juta dan PBT sebanyak RM10.7 juta. Hasil mencerminkan penghantaran turbin yang lebih rendah berbanding tempoh sama tahun lalu, kemajuan lebih perlahan bagi projek penjana wap pemulihan haba dan dandang industri menggunakan gas, selain kesan pertukaran mata wang daripada penyusutan yen Jepun dan rupiah Indonesia.

Selepas berakhirnya suku berkenaan, Wasco Greenergy Berhad melantik Wong Yin Kee sebagai Pengarah Urusan Kumpulan berkuat kuasa 17 Ogos 2026. Pelantikan itu menyokong

peralihan kuasa, tanggungjawab dan akauntabiliti yang teratur menjelang persaraan awal Ketua Pegawai Eksekutif, Lee Yee Chong pada 31 Disember 2026. Lee telah berkhidmat dengan perniagaan tersebut dalam pelbagai jawatan kepimpinan sejak menyertai Kumpulan pada September 1995.

Buku Pesanan dan Prospek

Buku pesanan terjamin Kumpulan berjumlah RM2.5 bilion setakat 30 Jun 2026, memberikan keterlihatan hasil sehingga 2028.

Perkhidmatan Tenaga akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek dalam buku pesanan terjaminnya, di samping secara terpilih memburu peluang baharu dalam pembangunan tenaga konvensional dan rendah karbon. Perkembangan geopolitik di Timur Tengah serta tempoh membuat keputusan pelanggan yang lebih panjang mungkin terus mempengaruhi masa dan fasa aktiviti projek.

Bagi Perkhidmatan Biotenaga, sokongan dasar terhadap biodiesel berasaskan sawit di Indonesia dan Malaysia terus menyokong pembangunan jangka panjang sektor biotenaga serantau. Bagaimanapun, perbelanjaan modal pelanggan dalam tempoh terdekat kekal bergantung kepada ekonomi komoditi, perkembangan kawal selia, tempoh pelaksanaan projek dan keadaan persaingan.

Dalam persekitaran ini, Perkhidmatan Biotenaga akan terus memburu peluang merentasi perniagaan turbin, dandang dan perkhidmatan selepas jualannya sambil mengekalkan disiplin dalam mendapatkan pesanan baharu.

Segmen itu akan terus memberi tumpuan kepada perlindungan margin, pengurusan kos dan pendedahan pertukaran asing ketika meletakkan perniagaan pada kedudukan yang lebih baik untuk fasa seterusnya pelaburan biotenaga serantau.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin

juliana.jamaluddin@wascoenergy.com

+6012 340 9438

Natasha Brand

natasha.brand@wascoenergy.com

+6016 916 8598

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad ialah penyedia global penyelesaian infrastruktur tenaga dengan operasi merangkumi 12 negara. Teras perniagaan Kumpulan meliputi perkhidmatan saluran paip, kejuruteraan dan fabrikasi serta penyelesaian bioenergi, dalam menyokong pembangunan infrastruktur tenaga konvensional dan berkaitan peralihan tenaga di peringkat global.

Platform bersepadu Wasco menggabungkan kepakaran kejuruteraan, keupayaan fabrikasi serta penyelesaian infrastruktur khusus bagi menyokong pelaksanaan projek tenaga kompleks merentasi pelbagai peringkat rantai nilai industri tenaga.

Untuk maklumat lanjut, layari www.wascoenergy.com.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*